

22 MAY 2002

Mahathir-Jepun

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE JEPUN, DAN TERBANG KE SEOUL

Oleh: Siti Hawa Othman

NAGASAKI, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari sini ke Seoul petang ini selepas satu kunjungan singkat.

Perdana Menteri yang tiba di Tokyo pada Isnin bagi lawatan tiga hari, terbang ke sini pagi ini untuk majlis menamakan sebuah kapal yang dibeli Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd (MISC).

Setibanya di lapangan terbang di sini, Perdana Menteri dan rombongannya dibawa dengan sebuah bas khas ke limbungan Koyagi tempat kapal yang dinamakan Puteri Intan Satu dibina, bagi majlis itu.

Perdana Menteri kemudian melakukan tinjauan terhadap kapal di situ dan seterusnya menghadiri majlis jamuan tengah hari sempena penamaan kapal MISC itu.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Lapangan terbang Nagasaki dan menaiki jet eksekutif ke Korea Selatan.

Semasa lawatannya, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan yang berjaya dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Jepun telah memberikan jaminannya untuk terus membantu Malaysia pada pertemuan itu.

Isu yang diliputi dalam perbincangan itu termasuk pinjaman mudah bagi projek-projek di Malaysia serta penubuhan sekretariat Asean+3 sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG)

Jepun telah menyokong cadangan bagi sekretariat itu ditubuhkan di Malaysia.

-- BERNAMA

SHO MR FR RM RON